



MEMUPUK MINAT MEMBACA DALAM KALANGAN PELAJAR

“**M**embaca jambatan ilmu” merupakan slogan yang memmanifestasikan kepentingan amalan membaca buku dan wadah ilmiah untuk menambahkan ilmu dan pengetahuan.

Berdasarkan statistik membaca pada tahun 2015, lima peratus daripada 1.62 juta rakyat Malaysia merupakan golongan buta huruf. Statistik ini menunjukkan bahawa minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia masih berada pada tahap yang kurang memuaskan.

Bagi masyarakat kontemporari, sebahagian besar daripada mereka terpekuk dengan kecanggihan telefon pintar yang dianggap “hidup” berbanding dengan buku yang dianggap “kaku” dan “membosankan”. Bahkan, sebahagian besar golongan remaja pada hari ini membaca buku ilmiah hanya sekadar untuk lulus dalam peperiksaan semata-mata. Demi memastikan generasi masa hadapan Malaysia mencintai ilmu, kita haruslah menangani masalah ini.

Menurut Konfusius, keluarga merupakan elemen asas dalam pembentukan masyarakat. Kata-kata ini jelas menunjukkan bahawa pembentukan peribadi seseorang bermula daripada institusi keluarga. Di rumah, ibu bapa merupakan ikon yang ideal bagi anak-anak. Oleh hal

yang demikian, ibu bapa haruslah menjadi suri teladan dengan sentiasa mempraktikkan budaya membaca di rumah.

Contohnya, ibu bapa boleh menjadikan aktiviti membaca sebagai hobi di rumah dan memberikan anjakan paradigma kepada anak-anak supaya mereka mengetahui kepentingan ilmu, khususnya pada masa ini yang serba mencabar. Lantaran itu, amalan membaca dapat bercambah dalam sanubari remaja dan dapat melahirkan generasi celik ilmu pengetahuan. Kini sudah terang lagi bersuluh bahawa peranan ibu bapa adalah vital dalam menzahirkan masyarakat yang berkualiti.

Pada era ini, individu yang berpengetahuan cetek sering diibaratkan sebagai ulat yang dibelenggu dalam kepompong kejahilan. Oleh itu, pihak sekolah berperanan penting untuk mencelikkan mata dan akal fikiran para pemuda dan pemudi tentang kepentingan membaca.

Guru merupakan “arkitek anak bangsa” yang menggalas obligasi dalam mencorakkan pelajar yang diumpama sebagai kain putih. Sebagai contoh, pertandingan membaca boleh diadakan bagi mendorong remaja untuk menerokai ilmu pengetahuan dengan membaca. Sudut bacaan di perpustakaan harus diwujudkan bagi menarik minat pelajar. Justifikasinya, amalan membaca yang mahmudah

ini dapat dipupuk dengan kerjasama daripada pihak sekolah.

Dari perspektif yang lebih luas, pihak kerajaan haruslah menyumbang tenaga dalam usaha memupuk budaya amalan membaca dalam kalangan pelajar. Kementerian Pendidikan Malaysia berhasrat untuk memenuhi aspirasi negara dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara membaca yang bertaraf dunia menjelang tahun 2030.

Sehubungan dengan itu, kempen Drop Everything and Read (D.E.A.R) haruslah dipraktikkan di setiap sekolah dengan para pelajar meluangkan sekurang-kurangnya 15 minit untuk membaca buku bersama-sama. Program seperti Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) dan Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) harus diteruskan dan dipopularkan dalam kalangan pembaca demi menggalakkan semangat membaca.

Janganlah bersifat hangat-hangat tahi ayam dalam menganjurkan kempen dan melaksanakan dasar kerajaan supaya mendatangkan kemaslahatan kepada diri pelajar, masyarakat dan negara. Tuntasnya, peranan kerajaan dalam usaha memupuk amalan membaca sangat signifikan agar setiap strata masyarakat mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat.

Dunia hari ini berada di bawah telunjuk globalisasi yang menjadikan maklumat dan ilmu sebagai asas perkembangannya. Maka itu, remaja era ini perlu menanah dan mempraktikkan falsafah “membaca suatu keperluan” dalam minda dan jati diri. Dengan pengamalan budaya membaca, masyarakat Malaysia mampu melahirkan generasi muda yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Ayuh putera dan puteri harapan bangsa, jadikanlah amalan membaca sebagai rutin seharian! 